



Pekerja mengasingkan udang di Pusat Pemrosesan Blue Archipelago.



Udang yang sudah diproses sedia dibungkus.



## Projek ternakan udang Kerpan kembali beroperasi

Blue Archipelago tumpu pasaran luar, tempatan



**HASSAN OMAR**

hassanomar@bh.com.my

**M**enjejakkan kaki semula di kolam penernakan udang Kerpan, Ayer Hitam Kedah baru ini mengembalikan semula kenangan saya ketika bertugas di negeri ini pada 1997.

Tujuh belas tahun lalu, kolam udang seluas 367.28 hektar di Kampung Baru Tepi Laut, Kuala Tunjang, Bakau dan Gandai itu seolah-olah padang tandus selepas ditinggalkan pengurusannya, Kumpulan Ben Laden dari Arab Saudi.

Sebanyak 226 kolam itu mengembalikan kenangan ketika saya membuat liputan kekecohan antara pengurusan Asmak Aquaculture Sdn Bhd (Samak) dengan penduduk kampung yang menyebabkan Pengarah Urusan Samak Aquaculture Sdn Bhd (Samak), Haydar Hassan al-Sahtout menghentikan operasi pada Disember 1997.

Projek penternakan udang itu diluluskan kerajaan Kedah di bawah pentadbiran bekas Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff pada Mei 1993, manakala

pengambilan tanah sawah kira-kira 400 hektar yang memabitkan beratus-ratus keluarga dibuat mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960 dan diwartakan pada September tahun yang sama.

Projek memabitkan usaha sama Kerajaan Kedah menerusi Menteri Besar Diperbadankan (MB Inc) dengan Asmak yang dikuasai sepenuhnya oleh Kumpulan Ben Laden dan dimulakan pada Januari 1994.

Samak adalah syarikat usaha sama antara Asmak dengan MB Inc yang mengendalikan operasi di ladang itu.

### Pemilik sawah tak bersetuju

Kerajaan negeri memiliki 40 peratus ekuiti dalam Samak, manakala baki 60 peratus oleh Asmak. Bagaimanapun, ada segelintir pemilik sawah yang tidak bersetuju dengan pampasan dibayar kerajaan negeri.

Selepas dimulakan pada 1994, Haydar Hassan menghadapi pelbagai cabaran. Yang terbesar ialah apabila beliau dan dua pegawai Samak mencuba memasang pagar di ka-

wasan Fasa 1B projek berkenaan pada 17 Disember 1997.

Ketika itulah, seorang penduduk kampung yang berang dengan tindakan mereka mencuba memacak pagar di tanah yang didakwa belum dibayar, menyerang mereka hingga mencetuskan pergaduhan dalam kolam udang.

Berikutan itu, Haydar Hassan mengambil keputusan menghentikan operasi dan memberhentikan pekerja dengan alasan keselamatan pekerja terancam. Bagaimanapun, Samak bersedia memulakan semula operasi dan mengambil semula pekerja terbabit jika polis memastikan kerja pemasangan pagar di Fasa 1B projek itu disiapkan dalam tempoh dua bulan.

Bagaimanapun, tarik tali yang cuba dilakukan oleh Haydar Hassan dengan Menteri Besar Kedah pada waktu itu, Tan Sri Sanusi Junid tidak menjadi. Sebaliknya, Sanusi menyifatkan projek berkenaan sememangnya bermasalah sejak awal lagi ketika pengambilan tanah dibuat.


Berikutan itu, Haydar Has-

saham, memabitkan pertimbalangan tunai RM19.5 juta pada Oktober 2000.

MoF Inc dan MB Inc kemudian membentuk kerjasama dengan menubuhkan Kedah Aquaculture Sdn Bhd (KASB) dengan MoF Inc memegang 60 peratus ekuiti, manakala baki 40 peratus dimiliki oleh MB Inc. Bagaimanapun, operasi pada waktu itu hanyalah untuk memastikan kolam berkenaan tidak terbengkalai sepenuhnya.

### Tawaran kepada Khazanah

MoF Inc kemudian menawarkan kepada Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) untuk mengambil alih projek itu. Khazanah melalui anak syarikatnya, Blue Archipelago Bhd



Wan Nadhri menerangkan pengurusan Kilang Blue Archipelago.

## Penduduk ada pendapatan selepas kolam dibuka semula

Menyorot peristiwa pembukaan projek penternakan udang di Kerpan 22 tahun lalu, Talib Md Alin, bekas Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Baru Tepi Laut, berkata kenangan menjadi ketua 300 pemilik sawah di kampung itu dan tiga kampung lain ketika berunding dengan kerajaan negeri yang ingin mengambil tanah pada 1992, masih segar dalam fikirannya.

Selepas perbincangan demi perbincangan, Pak Talib dan sebahagian besar pemilik tanah menandatangani perjanjian penjualan tanah pada 1992, manakala golongan yang menentang membawa kes berkenaan ke mahkamah.

### Pemilik tanah dapat pampasan

Rata-rata pemilik tanah mendapat pampasan antara RM15,000 hingga RM18,000 bagi setiap 0.4 hektar bergantung kepada kualiti tanah. Kerja mengorek kolam udang mula dilaksanakan pada 1993 dan air laut mula dipam masuk.

"Sekarang, semua pemilik tanah mendapat bayaran masing-masing. Ketika Pak Arab (Hassan Haydar) tutup kolam (menghentikan operasi), habis semua penduduk kampung yang bekerja di kolam itu diberhentikan.

"Kami tengok selepas Pak Arab itu keluar dari sini, kolam tidak terjaga. Yang kami tahu, kerajaan negeri ambil alih kolam ini, tetapi macam hidup segan, mati tak mahu.

### FAKTA NOMBOR

# 226 kolam

penternakan udang di Kerpan, Ayer Hitam Kedah



Talib (kiri) meninjau pekerjaanya menaikkan benih ikan di kolam ternakan di Kampung Tepi Laut.

"Bagaimanapun, selepas kolam itu dibuka semula, orang kampung sudah ada pendapatan tetap sekurang-kurangnya RM1,000 lebih sebulan. Menantu saya pun kerja di kilang udang itu," katanya.

Bagi Ibrahim Ahmad, 40, beliau turut menikmati manfaat daripada operasi Arca Biru. Selepas menyertai syarikat itu sebagai Pentadbir Operasi pada 2008, beliau kini memegang jawatan Pengurus Ladang dengan tanggungjawab besar untuk memastikan 226 kolam beroperasi lancar.

Berkat kesabarannya menimba ilmu daripada beberapa pakar asing mengenai selok-belok menternak udang, Ibrahim dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Ladang pada Julai 2012.

Bagi Saad Ahmad, 65, keringat yang tercurah dalam projek itu sejak 1992 hingga sekarang sudah cukup untuk menjelaskan komitmennya bukan setakat membesarkan enam anak, malah membantu menayakan projek itu meskipun terpaksa mengharungi pelbagai cabaran setiap kali syarikat dilanda masalah.

"Masa mula kerja saya cuma dapat RM300 gaji pokok dan RM200 elaun. Masa Haydar Hassan tutup kolam pada 1998 saya dapat pampasan RM1,000. Empat tahun projek ini terbiar sebelum dimulakan semula. Sekarang saya dapat RM940 sebulan, cukup untuk menyara keluarga," katanya.

Bagi anak bongsu Pak Talib, Halizi, walaupun tidak pernah bekerja di projek penternakan udang itu, pelbagai perkembangan di syarikat itu tetap diikutinya.

"Sebelum projek itu dimulakan, kami sendiri sudah ada 12 kolam udang di tepi laut. Ayah dan orang kampung yang lain ternak udang harimau, tetapi teknologi kami tak secanggih syarikat itu," katanya.

Namun, pelbagai masalah penternakan udang tanpa menggunakan teknologi moden sepenuhnya



**"Masa mula kerja saya cuma dapat RM300 gaji pokok dan RM200 elaun. Masa Haydar Hassan tutup kolam pada 1998 saya dapat pampasan RM1,000. Empat tahun projek ini terbiar sebelum dimulakan semula. Sekarang saya dapat RM940 sebulan, cukup untuk menyara keluarga"**

Saad Ahmad, Penduduk kampung

membuatkan Halizi dan pemilik kolam yang lain terpaksa menghentikan operasi 10 tahun lalu sebelum menyambung semula dua tahun lalu.

Bagaimanapun, kali ini beliau menternak benih ikan merah di 12 kolam milik sendiri dan 35 kolam yang dipajak daripada penduduk kampung.

### Projek buah hasil

Rumusannya, Kumpulan Ben Laden gagal menyaksikan projek itu membuahkan hasil. Dengan kerugian kira-kira RM22 juta, Samak Aquaculture Sdn Bhd terpaksa angkat kaki pada 1998.

Dalam tempoh 10 tahun mulai 1998, projek berkenaan tidak terbelakai sepenuhnya, tetapi tidak juga mencatatkan keuntungan seolah-olah hidup segan mati tidak mahu sehinggalah Khazanah menyambung semula perjuangan.

Kini Blue Archipelago Bhd terpaksa berhempas pulas memastikan pelaburan dalam projek itu tidak sia-sia.

Bagi bekas pemilik sawah, projek itu menyimpan seribu satu kenangan pahit manis, selain memberi manfaat peluang pekerjaan kepada penduduk kampung sekitarnya.



Pekerja Arca Biru menangkap udang di kolam penternakan di Kerpan, Ayer Hitam, Kedah. (FOTO LIM POH CHIN/BH)

(Blue Archipelago) diberikan hak oleh KASB untuk mengambil alih operasi penternakan udang itu selama 30 tahun mulai 1 Januari 2008. Bagaimanapun, tanah itu kekal milik KASB.

### Perjanjian pengurusan

Ketua Undang-Undang Korporat dan Komunikasi Kumpulan Blue Archipelago, Wan Nadhri Wan Fauzi yang ditemui di ladang itu baru-baru ini menjelaskan, melalui perjanjian pengurusan, syarikat itu perlu menjelaskan RM460,000 setahun kepada KASB.

Mulai tarikh berkenaan, Blue Archipelago melalui anak syarikatnya, Arca Biru Sdn Bhd (Arca Biru) menyambung tugas berkenaan.

Operasi KASB dan Blue Archipelago mengalami perubahan pemilikan ekuiti apabila SKS Corporation Bhd, iaitu syarikat dimiliki tokoh korporat tanah air, Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhary membeli keseluruhan ekuiti KASB tanpa mengubah nama KASB pada 2011. Begitu juga dengan perjanjian pengurusan yang sudah ditandatangani KASB dengan Blue Archipelago sebelum itu.

Daripada keseluruhan 226 kolam sedia ada, 36 kolam dijadikan kolam rawatan air laut yang dipam masuk, manakala baki 190 kolam lagi berfungsi sebagai kolam penternakan. Setiap kolam seluas 0.8 hektar dengan kedalaman 1.7 meter.

Bagi mengurangkan risiko penyakit, Blue Archipelago melabur RM70 juta sejak 2008 hingga sekarang untuk mema-

sang 'high density polyethylene' (HDPE) pada semua kolam. Bahan plastik setebal 0.65 milimeter (mm) itu berfungsi menahan takungan air dalam kolam.

Di pusat penetasan udang putih, telur udang yang diperoleh dari Singapura dijaga rapi hingga menjadi 'post larve' atau benih udang sebelum dipindahkan ke kolam.

Pusat penetasan itu mampu menghasilkan 30 juta benih udang sebulan, manakala kilang pemrosesannya mampu memproses 15 tan udang sehari untuk dibungkus dalam kadar berat 1.5 kilogram (kg), sekilogram dan 500 gram.

Di kolam penternakan, benih itu membesar antara 80 hingga 100 hari sebelum setiap seekor mencecah 16 gram untuk mencapai tahap umur dan saiz sesuai dipasarkan. Dalam tempoh tiga tahun operasi, Blue Archipelago memberi tumpuan kepada pasaran eksport seperti Jepun dan beberapa negara lain.

Bagaimanapun, peningkatan harga udang di pasaran tempatan mulai pertengahan 2013 hingga sekarang, mendorong Blue Archipelago mengubah strategi pemasaran dengan menjadikan 80 peratus daripada pengeluaran adalah untuk pasaran tempatan, manakala baki 20 peratus untuk eksport.

Dengan daya pengeluaran empat tan bagi setiap kolam, Blue Archipelago mencatatkan pengeluaran 2,200 tan udang dengan hasil jualan RM52 juta tahun lalu.